



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI SABAH**

Aras Bawah, 6 & 7, Wisma Perindustrian
Jalan Istiadat-Likas
Beg Berkunci 2053
88594 KOTA KINABALU
SABAH

Tel: 088-324800
Faks: 088-210828
Laman Web: <http://portalpp.anm.gov.my/kotakinabalu>

Ruj. Kami : ANM(A)SBH.68 JLD 8 (32)
Tarikh : 15 Mei 2023

SURAT PERINGATAN

Seperti di Lampiran

Tuan/Puan,

**KEGAGALAN MENGEMUKAKAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN TERIMAAN BAGI
BULAN APRIL 2023**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak tuan/puan belum mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Terimaan bagi bulan April 2023 kepada pihak kami sepertimana yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 yang berkuatkuasa pada 25 Jun 2019.
3. Sehubungan dengan itu, mohon tindakan daripada pihak tuan/puan untuk mengemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Terimaan kepada Unit Akaun dengan kadar segera.
4. Adalah diharapkan agar pihak tuan/puan sentiasa memastikan Sijil Pengesahan Baki Akaun Terimaan dikemukakan kepada pihak kami dalam tempoh **14 haribulan bulan berikutnya** mengikut ketetapan seperti di dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 3 Tahun 2019 dan memastikan perkara ini tidak berulang.
5. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan di dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,

(NORHAYATI BINTI MOHD TAHA C.A.(M), ACMA, CGMA, CPSA)
Penolong Pengarah Kanan
b.p. Pengarah Negeri
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Sabah

juinita/akaun